

BAB 2 : LATARBELAKANG FAN ZHONGYAN

2.1 Latarbelakang Keluarga Fan Zhongyan

Fan Zhongyan , yang mempunyai nama sampingan Xiwen 希文 , juga digelar sebagai Wenzheng 文正 , berasal dari Wuxian 吴县 di Daerah Su 苏州. Menurut Sejarah Rasmi Dinasti Song , “ Fan Zhongyan , nama sampingannya Xiwen , adalah seorang anak-cucu Perdana Menteri Lubing 履冰 pada zaman dinasti Tang . Nenek moyangnya berasal dari Daerah Bin 邯州 di Shaanxi 陕西 kini ; kemudiannya mereka berpindah ke bahagian selatan sungai Yangzi dan bermastautin di Wuxian , Suzhou . ” ¹

Menurut *Koleksi Penulisan Fan Zhongyan (Fan Wen Zhenggong ji* 范文正公集), “ sehingga tahun yang ke-11 tempoh Xiantong 咸通(iaitu tahun 870) , dinasti Tang , (keluarga Fan) berpindah ke Lishui Xian 丽水县 , Chuzhou 处州 di Zhejiang 浙江 kini . (Mereka) menyeberangi laut dan pada masa itu negara China berada dalam keadaan yang porak-peranda , maka (mereka) membuat keputusan tidak pulang ke tempat asalnya dan generasi-generasi seterusnya bermastautin di kawasan tengah daerah Wu 吴 serta menjadi orang di kawasan tersebut . ” ²

¹ “Fan Zhongyan zhuan” 范仲淹传 (Biografi Fan Zhongyan) , SS , Bab 314 , m.s. 10267 .

² “Nianpu” 年谱, (Catatan Tahunan Fan Zhongyan) dalam Fan Zhongyan , *Fan Wenzhenggongji* , *Fan Zhongyan yanjiu ziliao huibian* 范仲淹研究资料汇编(下辑) (jilid II) , Taipei : Xingzhengyuan Wenhua Jianshe Weiyuanhui Bianyin 行政院文化建设委员会编印 , 1988 , m.s. 1107 .

Fan Zhongyan dilahirkan pada tahun 989 di Xuzhou 徐州 (kini di Jiangsu 江苏) . Sebelum beliau dilahirkan , ayahnya yang bernama Fan Yong 范墉 telah mengikut Raja Wu Yue 吴越 pulang ke negara Song pada tahun yang sama dan memegang jawatan Setiausaha di bawah Gabenor Tentera di Xuzhou . Fan Zhongyan telah dilahirkan di kem tentera di mana ayahnya berkhidmat .

Fan Yong mempunyai enam orang adik-beradik dan beliau adalah anak yang ketiga . Boleh dikatakan jawatan yang dipegang oleh adik-beradik Fan Yong tidak tinggi , malah usia mereka tidak berpanjangan juga . Kehidupan Fan Zhongyan dan ibunya yang bersusah payah itu jelas menunjukkan bahawa ayah dan adik-beradiknya juga hidup dalam keadaan yang miskin . Kemiskinan yang teruk turut melanda keluarga mereka , bahkan “ anak cucu mereka turut berkelana di merata-rata tempat sehingga hilangnya genealogi keluarga mereka . ”³

Isteri pertama Fan Yong ialah Puan Chen 陈氏 manakala isteri yang kedua pula ialah Puan Xie 谢氏 . Fan Zhongyan adalah anak kepada Puan Xie . Apabila Fan Zhongyan berumur dua tahun , ayahnya telah meninggal dunia . Kemudiannya Puan Xie berkahwin lagi dengan seorang yang bernama Zhu Wenhan 朱文翰 dan selepas itu nama Fan Zhongyan telah pun ditukar menjadi Zhu Yue 朱说 . Fan Zhongyan telah menggunakan nama Zhu Yue selama 30 lebih tahun . Jasa ayah tiri dan ibunya tetap dikenangkan oleh Fan Zhongyan buat selama-lamanya .

³ “ Xu jiapu xu ” 续家谱序 (Penerusan Rekod Keluarga) , FWZJ ,m.s. 941 .

2.2 Sikap Dan Kelakuan Fan Zhongyan

Sesungguhnya Fan Zhongyan adalah seorang yang berani dan tabah menghadapi sebarang cabaran serta rintangan . Malah sikap tegas beliau telah mempengaruhi rakan-rakan seperjuangannya pada masa kemudiannya .

Sejak muda lagi , Fan Zhongyan merupakan seorang yang bercita-cita tinggi dan ingin berdikari tanpa bergantung kepada orang lain . Beliau meninggalkan ibunya pada tahun 1011 dan belajar di kolej Ying Tian Fu 应天府 (di Nanjing 南京 atau ibukota Selatan Dinasti Song , yang terletak di kawasan Henan 河南 hari ini). Kehidupan di kolej Ying Tian Fu amatlah susah , dan beliau kuat berusaha siang dan malam . Beliau sanggup menerima apa jua penderitaan dan menganggap penderitaan ini sebagai suatu cabaran dalam hidup . Terdapat banyak cerita mengenai kesulitan hidup dan ketekunan Fan Zhongyan . Sebagai contoh , dikatakan bahawa pada musim sejuk , Fan menggunakan air sejuk untuk mencuci muka agar menghilangkan kepenatan . Bahkan beliau hanya makan bubur pada setiap hari . Perangai yang sanggup mencabar halangan dan berjimat-cermat ini sesungguhnya membuktikan keperibadian Fan yang amat mulia dan luhur itu .

Kehidupan yang pahit turut melahirkan sikap yang berani menghadapi perjalanan yang berliku-liku . Hasrat Fan Zhongyan menjalankan pembaharuan pada masa kemudian sebenarnya berhubung rapat dengan kehidupan rumit yang pernah dialami oleh beliau sebelum itu . Fan pernah berkata : “ (Saya)

ingin membaca buku-buku di seluruh dunia , (saya) ingin mengetahui hal-hal di seluruh dunia demi menyumbangkan segala pengetahuan kepada seluruh masyarakat kita ” (*Du tianxia shu , qiong tianxia shi , yiwei tianxia zhi yong* 读天下书，穷天下事，以为天下之用) . Menurut Qian Mu :

Fan Zhongyan bukanlah terdiri daripada kaum bangsawan , malahan negara pula tidak memberi pendidikan yang sistematik dan formal kepada beliau . Beliau terpaksa membaca buku dan membuat ulangkaji sendiri di kuil sami . Kehidupan susah yang dialami oleh beliau telah memberi kesedaran kepadanya dan memupuk tanggungjawabnya terhadap masyarakat dan negara . Semangat ini bukan sahaja tersemai di dalam hati sanubari Fan Zhongyan , bahkan orang lain yang sezaman dengan beliau . Semangat ini juga telah tersebar luas dalam hati rakyat secara keseluruhan melalui Fan Zhongyan . Inilah satu kemuliaan dan keagongan yang ada pada Fan Zhongyan .⁴

Kesungguhan Fan Zhongyan telah membawa manfaat yang besar terhadap kejayaan beliau pada masa kelak . Keteguhan ini telah dipraktikkan dengan sepenuhnya seumur hidup beliau dan keteguhan ini telah menjadi satu simbol yang kuat pada dinasti Song Utara di mana semangat ini terus disambung oleh pihak reformis kemudiannya .Menurut *Sejarah Rasmi Song* :

Apabila membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan negara , beliau mempunyai semangat berkobar-kobar dan langsung tidak memandangkan berat terhadap kepentingan diri sendiri . Pada zaman itu , para cendiakiawan adalah bersikap ikhlas , bersopan-santun dan mengagong-agongkan keperibadian . Sikap

⁴ Qian Mu , *Guoshi dagang (Ikhtisar Sejarah Negara China)* , m.s. 397 .

yang sedemikian sebenarnya telah dipupuk dan dipengaruhi oleh Fan Zhongyan yang pada masa itu penuh dengan ketabahan dan kegigihan.⁵

Dengan hasrat memberi sumbangan kepada negara , Fan Zhongyan telah menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam demi mendapatkan kelayakan menjadi seorang pegawai kerajaan . Pada tahun 1015 , beliau telah memperolehi tempat kedua dalam ijazah *jinshi* dan menjadi Gabenor Tentera Guang De (di Anhui 安徽). Pada masa itu , beliau masih menggunakan nama Zhu Yue . Ini menunjukkan bahawa walaupun Fan Zhongyan dilahirkan di Xuzhou , namun beliau dibesarkan di Zizhou 淄州 (di wilayah Shandong 山东) dan walaupun beliau dilahirkan di keluarga Fan , namun beliau dibesarkan di keluarga Zhu . Kegunaan nama Zhu Yue selama 30 lebih tahun merupakan satu penghargaan Fan terhadap keluarga Zhu . Sehingga tahun 1017 , barulah Fan Zhongyan menggunakan semula nama keluarganya sendiri , iaitu Fan .

2.3 Pemikiran Fan Zhongyan

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap insan di dunia ini memang mempunyai daya pemikiran yang berlainan . Boleh dikatakan bahawa pemikiran seseorang itu dapat mengubah nasib seumur hidupnya sendiri . Fan Zhongyan adalah contoh yang konkrit di mana daya pemikiran beliau amat berbeza dengan

⁵SS , Vol. 314 , m.s. 10268 .

ahli-ahli politik yang lain atau reformis-reformis lain yang sezaman dengan beliau . Beliau telah memberi nafas yang baru terhadap dinasti Song . Kelemahan-kelemahan yang timbul pada dinasti Song telah memberi peluang keemasan kepada Fan Zhongyan untuk menggerakkan dasar pembaharuannya .

Secara umumnya , apabila pemimpin sesebuah negara berteguh , berlaku adil , tidak meletakkan nafsu dan kepentingan diri lebih daripada kepentingan rakyat , maka pada waktu itu keadaan masyarakat turut berada dalam suasana harmonis dan penuh gemilang . Sesungguhnya Fan Zhongyan adalah seorang reformis yang berfikiran idealistik sejak dari awal hingga akhir hayat beliau . Beliau merupakan seorang yang berprinsip dan mampu menjalankan sesuatu dengan tindakan yang tegas dan adil tanpa menghirau bantahan atau kritikan daripada sekelilingnya . Dalam konteks ini , beliau berani menampilkan diri dengan menghadapi pelbagai rintangan dan halangan tanpa berlengah-lengah . Keberanian beliau yang ditunjukkan dalam pentas politik amat dikagumi oleh sejarahwan-sejarahwan pada masa kemudian .

Oleh kerana Fan Zhongyan mempunyai hati yang jujur , maka apa yang dilakukan oleh beliau adalah dengan hati yang tulus ikhlas juga . Beliau sanggup berkonfrontasi dengan orang yang berkuasa dan berpengaruh meskipun orang tersebut merupakan menteri yang berkedudukan tinggi atau pun maharaja yang berkuasa mutlak . Beliau pernah berkata , “ Kini saya telah menyediakan kata-kata nasihat untuk menasihatkan maharaja . Walaupun kata-kata ini akan

menyebabkan kemarahan maharaja , namun saya tidak boleh hanya mengeluarkan kata-kata yang suka didengari oleh baginda . Sebab saya berbuat demikian adalah untuk menjalankan tugas sendiri demi kebaikan negara ” (今臣勉思药石 , 切犯雷霆 , 不遵易进之涂 , 而居难立之地者 , 欲倾臣节 , 以报国恩。)⁶

Keberanian Fan Zhongyan memang mempunyai hubungkait yang rapat dengan latarbelakang beliau . Sekiranya ditelusuri secara teliti , didapati bahawa pemikiran Fan Zhongyan amat dipengaruhi oleh latarbelakang beliau . Kemiskinan yang menimpa ke atas Fan Zhongyan dan keluarganya dahulu memang telah memberi kesan yang langsung terhadap beliau . Beliau menjadi seorang yang gigih dan tabah menghadapi sebarang cabaran . Menurut *Fan Wen Zhenggong ji* ,

(Beliau) bertolak ke Nandu 南都(iaitu Yingtian Fu di Henan) ; dan apabila beliau sampai di asrama kolej , beliau telah membersihkan biliknya dan terus mempelajari secara rajin pada waktu siang dan malam . Kehidupan sehariannya amat susah dan penderitaan ini bukan sesuatu yang mudah dibayangkan . Walau bagaimanapun , Fan Zhongyan masih berusaha dengan bersungguh-sungguh dan menetap di sana selama 5 tahun .⁷

Bagi seorang pemuda yang hanya berumur 20an itu , kemampuan beliau menghadapi penderitaan ini seharusnya diberi penghormatan yang tinggi . Kehidupan yang susah ini telah mempengaruhi Fan Zhongyan dan menjadikan Fan

⁶ “Zoushang shiwu shu ” 奏上时务书 , FWZJ , Vol. 7 , ms. 212 .

⁷ “Song Ren Zong baoxian zhi bei ” 宋仁宗褒贤之碑 , FWZJ , Vol. 1 , m.s.781 .

tidak mudah tunduk kepada sebarang cabaran serta krisis . Sifat ketabahan beliau turut menjadi pendorong kepada dasar pembaharuan yang dikemukakan oleh beliau pada zaman pemerintahan Song Ren Zong . Dalam konteks ini , pandangan beliau mengenai “ tanahair ” (*tianxia* 天下) dan “ orang-orang yang berkebolehan ” (*rencai* 人才) amatlah penting dalam menggerakkan dasar pembaharuan pada masa itu . Tinjauan-tinjauan akan diberikan di bawah terhadap pandangan Fan Zhongyan mengenai kedua-dua perkara tersebut .

2.3.1 Pandangan Fan Zhongyan Mengenai Tanahair (*Tianxia* 天下)

Kepentingan *tianxia* telah terbenam dalam hati sanubari Fan Zhongyan sejak awal-awal lagi . *Tianxia* yang dimaksudkan oleh Fan Zhongyan merujuk kepada tanahair atau negara di mana rakyat jelatah yang merupakan asas kepada kewujudan sesebuah negara itu . Pada hakikatnya , Fan Zhongyan amat risau dan bimbang tentang masa depan dinasti Song sehingga keimbangan itu terserap dalam puisinya yang bertajuk “Yueyanglou ji” 岳阳楼记 di mana Fan berkata , “(Haruslah kita) menjadi orang yang pertama menimbulkan perasaan risau terutama hal-ehwal negara dan orang yang terakhir menikmati kegembiraannya ” (*Xian tianxia zhi you er you , hou tianxia zhi le er le* 先天下之忧而忧，后天下之乐而乐) . Bidalan ini mencerminkan semangat patriotisme Fan yang membawa maksud setiap insan harus mempunyai

tanggungjawab terhadap tanahairnya sendiri dan semangat ini mesti diteruskan dari satu generasi ke generasi yang lain .

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sejarah China adalah seperti putaran roda di mana ada kalanya naik dan berada di puncak kegemilangan , ada ketikanya pula tersungkur jatuh di lembah kehinaan . Malah putaran roda tersebut telah bergerak berlanjutan tanpa berhenti sehingga kejatuhan dinasti Qing . Pada dinasti Song pula , negara pernah mencapai kestabilannya pada pemerintahan Song Tai Zu dan Tai Zong , namun sejak pemerintahan Song Zhen Zong pula telah mula menampakkan keadaan yang sungguh membimbangkan di mana maharaja terpaksa menandatangani Perjanjian Chanyuan yang sungguh memalukan . Apabila sampai ke pemerintahan Song Ren Zong pula , masalah dalaman dan luaran turut mengancam negara . Kebimbangan terhadap masa depan negara dan kehidupan rakyat merupakan perkara yang amat dipentingkan dalam sepanjang hidup Fan Zhongyan . Bahkan beliau tidak pernah tunduk kepada orang yang berkuasa dalam kerajaan Song . Contoh yang nyata ialah pada tahun 1025 , Fan yang pada masa itu merupakan seorang pegawai yang berpangkat rendah , pernah menulis sebuah petisyen yang bertajuk “ Zoushang shiwu shu ” 奏上时务书 (Petisyen Kepada Maharaja Mengenai Isu-isu Semasa) kepada maharaja Ren Zong . Isi kandungan petisyen ini telah mengkritik kesan buruk yang timbul dari kelemahan negara Song dan suasana yang menghalang kebebasan bercakap serta sikap mengampu-ampu di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan menteri-menteri . Fan Zhongyan juga mengkritik maharaja mengenai perlantikan yang tidak wajar bagi jawatan perdana

menteri di dalam artikel tersebut . Beliau menegaskan bahawa “ jika pegawai-pegawai jahat tidak dihapuskan , negara akan berada di dalam keadaan yang membimbangkan ” (Ningren wei qu , ci guojia zhi keyou
ye 佞人未去，此国家之可忧也) .⁸ Ini merupakan kali yang pertama Fan Zhongyan menghantar petisyen kepada maharaja dan tindakan ini telah menunjukkan kerisauan beliau terhadap masa depan negara . Malah Fan sendiri amat membenci orang-orang jahat yang hanya mementingkan diri sendiri dan membawa mudarat kepada negara . Beliau pernah berkata , “ Orang-orang yang ikhlas adalah kawan saya , manakala orang-orang yang licik pula merupakan musuh saya” .(端者我游，邪者我仇)⁹

Fan Zhongyan bukan seorang yang ghairah mengejar kuasa , malah beliau sedar bahawa perebutan kuasa di antara ahli-ahli politik akhirnya akan meninbulkan masalah politik dan sosial yang lebih parah . Walau bagaimanapun , bagi Fan Zhongyan , jawatan perdana menteri adalah satu jawatan yang penting untuk mengembang dan melaksanakan idea-idea pembaharuan . Sebagai contoh , pada tahun 1041 , beliau dalam penulisan epitaf Cai Qi 蔡齐 (seorang bekas Perdana Menteri) , telah memuji Cai kerana menganggap “ memperkenalkan orang yang arif sebagai perkara yang gembira , dan mementingkan masa depan negara dengan perasaan yang bimbang ” 以进贤为乐，以天下为忧 . Pada tahun 1049 pula , Fan Zhongyan pernah memuji Zhang Sheng 张升 (seorang perdana menteri yang

⁸ “ Zoushang shiwu shu ” 奏上时务书 , FWZJ , Vol. 18 , m.s. 217 .

⁹ “ Yang Wengong xie zhizan ” 杨文公写直赞 , FWZJ , Vol. 5 , ms. 189 .

lain) kerana mempunyai rasa yang mengambil berat tentang rakyat dan negara (*You you tianxia zhi xin* 有忧天下之心) . Bagi Fan Zhongyan , syarat utama seorang perdana menteri ialah mempunyai sikap mengambil berat tentang hal-hal negara . Bidalan terkemuka Fan Zhongyan iaitu “ menjadi orang yang pertama menimbulkan perasaan risau dan menjadi orang yang terakhir menikmati kegembiraannya ” telah membayangkan kesedaran Fan Zhongyan bersedia menghadapi rintangan semasa dalam suasana aman .

Sesungguhnya Fan Zhongyan memberi penekanan terhadap kepentingan rakyat . Beliau amat menyanjung pemimpin yang bertanggungjawab dan memikirkan kepentingan rakyat pada bila-bila masa sahaja . Dalam penulisan “ Tang Di Lianggong Bei 唐狄梁公碑 ” (Tugu Di Lianggong dinasti Tang) , beliau memberi penghormatan yang tinggi terhadap Di Renjie 狄仁杰 (Perdana Menteri dinasti Tang) oleh kerana Di Renjie tidak mudah tunduk kepada kuasa besar.¹⁰ Keberanian yang dipaparkan oleh Di Renjie terhadap Maharani Wu Zetian 武则天 (Maharani dinasti Tang , 624—705) ini sebenarnya merupakan satu tingkahlaku yang dimiliki oleh para intelek yang menganggap *tianxia* sebagai tanggungjawab sendiri .

Ideal Fan mengenai *tianxia* sesungguhnya dapat memaparkan aspirasi yang mulia pada beliau . Beliau mempunyai sifat peribadi yang unggul di mana beliau sanggup mengorbankan diri demi negara yang tercintanya . Tanggungjawab terhadap masyarakat tidak pernah diabaikan oleh Fan Zhongyan , bahkan semangat

¹⁰ Keterangan lebih lanjut dapat dilihat dari *FWZJ* , “ Tang Di Lianggong bei ” 唐狄梁公碑 (Tugu Di Lianggong dinasti Tang) , Vol. 11 , ms. 283—284 .

patriotisme terus membara pada sepanjang hidupnya . Semangat inilah ghairah dikehjarn oleh golongan intelek pada zaman tradisional China . Keperibadian yang mulia dan suci ini sebenarnya tidak mudah untuk dicapai oleh mana-mana pihak . Puisi “Yujia Ao” 渔家傲 yang ditulis oleh beliau jelas membayangkan semangat patriotisme ini . Ayat seperti “ Muzik serunai puak Qiang berbunyi-bunyi , fros menurun di merata-rata tempat ; saya tidak tertidur(tetapi memikirkan bahawa) , rambut jeneral menjadi putih dan askar pula menitik air mata ” (*Qiangdi youyou shuangmandi , ren bumei , jiangjun baifa zhengfulei* 羌笛悠悠霜满地，人不寐，将军白发征夫泪) jelas membayangkan Fan Zhongyan menaruh kasihan dan simpati terhadap askar-askar yang merupakan kawan seperjuangan serta pendukung dinasti Song . Askar-askar tersebut berharap agar mendapat kemenangan dalam perang dan semoga hidup dalam suasana aman , namun puak-puak asing di utara tetap mengancam keselamatan negara dan perang tetap berlanjutan tanpa membawa apa-apa perubahan . Perasaan rindu terhadap ahli keluarga dan semangat cintakan tanahair turut menjadi sifat yang amat bernilai dalam puisi ini .

Sesungguhnya puisi yang terkenal ini seolah-olah menggambarkan semangat seorang wira dan kehidupan menderita askar-askar , namun jika ditinjau dengan teliti , puisi ini sebenarnya membayangkan kelemahan dinasti Song di mana kerajaan Song hanya mementingkan pentadbiran dalaman tetapi mengabaikan pertahanan negara dari ancaman luar . Garis pertahanan yang lemah ini telah membawa kesan yang buruk terhadap masa depan negara . Menurut seorang penulis Guo Zhengzhong 郭正忠 :

Pemikiran ‘menjadi orang yang terakhir menikmati kegembiraan’ sebenarnya meliputi tiga aspek : pertama , pertimbangan diberikan terhadap kesejahteraan tanahair terdahulu dan kesenangan hidup peribadi diletakkan pada akhirnya . Kedua , menegaskan kegembiraan dari segi moral di mana kebahagiaan rakyat diberi penekanan dan pegawai perlu bergembiralah bersama rakyat . Ketiga , sementara mempertahankan kedua-dua aspek di atas , kesejahteraan hidup peribadi tidak harus diabaikan di mana penekanan adalah terhadap kegembiraan di dalam hati sanubari , iaitu dari segi kerohanian dan bukannya dari segi materialistik .¹¹

Memandangkan Fan Zhongyan amat mengutamakan rakyat dan tanahair serta tidak menitikberatkan kesenangan hidup peribadi , maka boleh disimpulkan bahawa Fan Zhongyan adalah seorang reformis yang mempunyai sifat peribadi yang mulia dan teragong . Fan merupakan seorang yang gemar membantu orang lain sehingga sanggup membuang segala kemewahan dalam kehidupan sendiri di mana “ makanan dan pakaian isteri serta anak beliau sendiri sekadar mencukupi sahaja ” (*qizi yishi ,jin neng zichong* 妻子衣食，仅能自充) .¹²

Walaupun pelbagai perubahan telah berlaku melalui masa yang panjang , namun perasaan cintai rakyat dan tanahair yang dipupuk oleh Fan Zhongyan tetap tidak berubah . Malah beliau sanggup mengorbankan kesenangan hidup diri sehingga meninggal dunia dalam keadaan yang sepi tanpa sebarang

¹¹ Guo Zhengzong 郭正忠 , “Lun Fan Zhongyan xian you hou le de sixiang ” 论范仲淹先忧后乐的思想(Perbincangan Tentang Pemikiran Kebimbangan dan Kegembiraan Fan Zhongyan Zhongyan) , *Fan Zhongyan yanjiu lunji* 范仲淹研究论集 , Suzhou : Suzhou Daxue Chubanshe 苏州大学出版社 , 1995 , m.s. 32 & 33 .

¹² “ Fan Zhongyan zhuan ” , *Songshi* , Vol. 314 , ms. 10276 .

harta . Menurut Fu Bi , Fan Zhongyan telah menjadi seorang menteri yang terkenal , namun hidupnya tetap seperti kehidupan yang miskin pada masa dulu . Bahkan ahli-ahli keluarga beliau tidak pernah menikmati sebarang keseronokan dan kemewahan pun (*ji xianmenzhong ru pinjian shi , jiaren bushi fugui zhile* 既显门中如贫贱时，家人不识富贵之乐). ¹³

Fan Zhongyan adalah seorang yang berjimat-cermat dan amat berbeza daripada pegawai-pegawai lain yang menitikberatkan kepentingan diri . Selain daripada itu , Fan juga amat menyanjung konsep kebebasan bercakap . Beliau menganggap kebebasan bercakap ini sebagai penggerak kepada kemajuan sesebuah negara . Beliau berpendapat bahawa seseorang itu harus melaungkan kata-kata dari hati demi kemajuan negara . Beliau pernah berkata : “ Lebih baik mati kerana melaungkan ketidakadilan daripada hidup membisu sahaja ! ” (*Ning ming er si , bu mo er sheng* 宁鸣而死，不默而生) . ¹⁴ Selain itu , Fan berpendapat bahawa orang-orang yang berkedudukan tinggi haruslah bersikap rendah hati dan bersopan-santun , kerana sikap ini boleh mendapatkan sokongan daripada rakyat jelata di dunia ini . (*yi gui xia jian , da de min ye* 以貴下賤，大得民也。) ¹⁵

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tingkahlaku dan pemikiran Fan Zhongyan telah memupuk sesuatu suasana yang mulia pada dinasti Song .

¹³Fu Bi 富弼 , “Fan Wen Zhenggong muzhiming” 范文正公墓志铭 dalam Zhou Hongdu 周鸿度 ed. , *Fan Zhongyan shiliao xinbian* 范仲淹史料新编 (Edisi Baru Sejarah Fan Zhongyan) Shenyang : Shenyang Chunbanshe 沈阳出版社 , 1989 , m.s.107 .

¹⁴ “Ling niao fu” 灵鸟赋 , FWZJ , Vol. 1 , m.s. 84 .

¹⁵ “Tonglujun Yan Xiansheng citang ji” 桐卢郡严先生祠堂记 , FWZJ , Vol. 7 , ms. 206 .

Seorang reformis yang terkenal pada dinasti Song iaitu Wang Anshi telah memberi penghormatan yang tinggi terhadap Fan Zhongyan . Sebagai contoh gelaran seperti “Teladan kepada segala insan sepanjang zaman” (*yishi zhi shi* 一世之师) telah diberikan oleh Wang Anshi kepada Fan Zhongyan . Manakala Su Shi 苏轼(1036—1101) pula memuji Fan Zhongyan sebagai “orang yang amat camerlang” (*renjie* 人杰) . Pandangan-pandangan tersebut sekali lagi membuktikan Fan Zhongyan adalah seorang ahli politik yang amat disanjungi di kalangan ahli-ahli politik yang sezaman dengan beliau .

Jika ditinjau dengan lebih teliti , didapati bahawa pandangan Fan Zhongyan mengenai *tianxia* sebenarnya mempunyai persamaan dengan idea *tianxia* dalam ajaran konfusianis. Sebenarnya konsep *tian* mempunyai erti kata yang agak meluas pada zaman dahulu . Secara umumnya , *tian* ini dapat disimpulkan sebagai pengajar , pengadil , pengawal dan pencinta dunia alam ini .¹⁶ Walaupun konsep *tian* telah berubah mengikut perubahan zaman , namun kepentingan *tian* tetap wujud di dalam hati rakyat China . Ahli-ahli falsafah dari aliran konfusian seperti Konfusius 孔子(551—479 S.M.) dan Meng Zi 孟子(372—289 S.M.) telah memberi taksiran yang unik mengenai *tian* dan seterusnya wujudlah konsep mengenai *tianxia* dalam ajaran konfusianis . Perbincangan menyentuh tentang *tianxia* sering dikemukakan di kalangan ahli-ahli fikir konfusian dan Fan Zhongyan telah menyerap intisari dari konsep *tianxia* dan seterusnya mempraktikkannya dalam kehidupan beliau .

¹⁶ Fu Peirong 傅佩荣 , *Rujia zhexue xinlun* 儒家哲学新论 (*Perbincangan Baru Tentang Falsafah Konfusianisme*) , Taipei : Yeqiang Chubanshe 业强出版社 , 1993 , m.s.122 .

Untuk meninjau tentang idea *tianxia* dalam ajaran konfusianis , perhatian seharusnya diberikan kepada penaksiran Konfusius terhadap Guan Zhong 管仲(? –645 S.M. , seorang ahli politik yang terkenal pada dinasti Zhou 周) . Dalam petikan “ Xian wen pian ” 宪问篇 dalam klasik *Lunyu* 论语, Konfusius berkata , “ Guan Zhong membantu Pembesar Qi (Qi Huan Gong 齐桓公) dan jadikan Qi Huan Gong sebagai pemimpin yang berkuasa . Tindakan ini telah menyelamatkan dunia pada zaman tersebut , dan oleh yang demikian , sehingga kini , rakyat biasa masih menikmati manfaat daripada bakti Guan Zhong ” (*Guan Zhong xiang Huangong , ba zhuhou , yi kuang tianxia , min dao yujin shou qici* 管仲相桓公，霸诸侯，一匡天下，民到於今受其賜). ¹⁷

Penaksiran ini jelas menunjukkan bahawa Konfusius amat memandang berat tentang penyatuan “ dunia ” dan “ kepentingan rakyat ” . “ Dunia ” di sini merujuk kepada seluruh tanahair negara China atau pendek kata dikenali sebagai *tianxia* .

Memandangkan rusuhan dan perperangan sering berlaku pada zaman Chunqiu 春秋(722—481 S.M.) dan Zhanguo 战国(403—221 S.M.) , perampasan tanah dan pembunuhan beramai-ramai pula semakin meningkat di kalangan pembesar-pembesar feudal (*zhuhou* 诸侯) , maka *tianxia* haruslah disatu-padukan di bawah seorang raja atau *tianzi* 天子 . Menurut konfusius , hanya dengan penyatuan segala

¹⁷ “Xian wen pian ” 宪问篇 dalam Zhu Xi 朱熹 ed. , *Lunyu jizhu* 论语集注(*Koleksi Penulisan Buku Klasik Lunyu*) , Taipei : Zhonghua Congshu Weiyuanhui 中华丛书委员会 , 1958 , ms. 750

dunia di bawah seorang rajalah , rusuhan dapat dielakkan dan seterusnya rakyat jelatalah yang merupakan golongan yang bertuah . Oleh sebab kedudukan raja Zhou atau *Zhou tianzi* 周天子 tidak sekuat seperti dahulu dan kedudukan tersebut tidak dapat dipertahankan lagi pada zaman Chunqiu dan Zhanguo , maka ahli-ahli falsafah konfusianis seperti Meng Zi dan Xun Zi 荀子 (kira-kira 313—238 S.M.) telah mengemukakan dasar politik yang sewajarnya untuk menyelamatkan negara , iaitu konsep pemerintahan yang berperikemanusiaan (*Renzheng*仁政) .

Renzheng sebenarnya memberi penekanan kepada kepentingan rakyat di mana kepentingan rakyat jelatalah yang harus dipertimbangkan sebelum pemerintahan menjalankan sesuatu dasar politik . Meng Zi pernah berkata bahawa konsep pemerintahan yang berperikemanusiaan merupakan tahap yang paling penting untuk menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah pucuk pimpinan . Sebab utama dinasti-dinasti Xia 夏 , Shang 商 dan Zhou menerajui pucuk pimpinan pada sesuatu masa dahulu ialah kerana perlaksanaan pemerintahan yang berperikemanusiaan ; walau bagaimanapun , kehilangan pucuk pimpinan pada akhirnya juga disebabkan oleh pemerintahan yang tidak berperikemanusiaan ! (*Sandai zhi de tianxia ye , yi ren ; qi shi tianxia ye , yi bu ren* 三代之得天下也，以仁；其失天下也，以不仁) .¹⁸ Menurut Meng Zi , sekiranya ingin menjalankan *Renzheng* , maka dasar politik tersebut harus mengutamakan rakyat atau *min* 民 di mana “rakyatlah merupakan asas kepada sesebuah negara ”

¹⁸ Meng Zi 孟子 , “ Li Lou Xia ” 离娄下 , *Meng Zi* 孟子 (*Buku Klasik Meng Zi*) , Hong Kong : Xianggang Wenxue Yanjiu Chuban 香港文学研究出版 , 1962 , m.s. 114 .

(*min wei bang ben* 民为邦本).¹⁹ *Tianxia* sebenarnya adalah satu simbol bagi “*tianxia minzhong* 天下民众” atau *tianxia minzhong* 天下民众. Di sini dapat disimpulkan bahawa mengikut ajaran Konfusianis, *tianxia* sesungguhnya merangkumi seluruh rakyat jelata dalam negara. Intisari konsep “utamakan rakyat” (*zhongmin* 重民) dan “rakyat adalah asas” (*minben* 民本) ini telah diterima dan diperkembangkan oleh Fan Zhongyan mengikut perubahan zaman.

Pada hakikatnya, Fan Zhongyan sentiasa dalam keadaan risau dan kekhawatiran beliau ini adalah semata-mata untuk rakyat jelata China. Fan Zhongyan pernah memaparkan hati beliau yang sebenar dalam puisi “*Yueyanglou Ji*” 岳阳楼记 di mana beliau berkata: “Semasa menjadi pegawai kerajaan, dalam hati kita harus membimbangkan keadaan hidup rakyat jelata; semasa diturunkan pangkat dan berada di kawasan terpencil, dalam hati sanubari kita tetap membimbangkan keselamatan maharaja” (*Ju miaotang zhi gao, ze you qi min; chu jianghu zhi yuan, ze you qi jun* 居庙堂之高，则忧其民，处江湖之远，则忧其君).²⁰

Begitulah perasaan Fan Zhongyan terhadap tanahair yang tercintanya. Keikhlasan dan taat setia yang digambarkan dalam puisi tersebut jelas membayangkan perangai sebenar Fan Zhongyan. Pemikiran dan semangat cintai negara tidak akan berubah walau beliau berada di mana jua.

¹⁹ Wang Yunwu 王云五ed., *Meng Zi zhengyi* 孟子正义 (*Koleksi Penulisan Meng Zi*), Taiwan: Shangwu Yinshuguan 商务印书馆, 1930, ms. 82.

²⁰ “*Yueyanglou ji*” 岳阳楼记, *FWZZJ*, Vol. 7, m.s. 210.

Perasaan khuatir Fan Zhongyan bukan sahaja tertumpu kepada bangsa sendiri , iaitu orang Han , tetapi juga puak-puak gasar di utara . Konsep Fan Zhongyan terhadap *tianxia* telah meliputi seluruh insan di mana Fan bukan sahaja disanjungi oleh orang Han , bahkan golongan minoriti seperti puak-puak gasar juga memberi penghormatan yang tinggi kepada beliau . Menurut *Fan Wen Zhenggong ji* , terdapat orang di kalangan puak Qiang 羌 yang menangis kesedih-sedihan selama 3 hari apabila Fan Zhongyan meninggal dunia .²¹

Sifat Fan Zhongyan yang membimbangkan keadaan hidup rakyat telah menjadi satu simbol aspirasi dan kepercayaan orang yang berhasrat tinggi serta para idealis yang sezaman dengannya . Dalam hubungan yang sama , Fan Zhongyan menggabungkan sifat “ setia kepada raja ” (*zhongjun* 忠君) dan “ menyayangi rakyat ” (*aimin* 爱民) itu dalam konsep etika dan dasar politik beliau . Bagi Fan Zhongyan , mereka yang benar-benar bertaat setia kepada raja seharusnya merupakan menteri yang bersikap jujur dan bermaruah tinggi serta sudi mengkritik maharaja secara langsung untuk kepentingan rakyat jelata .

Sesungguhnya sejak dari awal-awal lagi , Fan Zhongyan telah menganggap *tianxia* sebagai tanggungjawab sendiri . Setelah memegang jawatan sebagai pegawai kerajaan , beliau telah berusaha dengan sedaya upaya membantu rakyat jelata mengatasi masalah-masalah yang wujud . Sifat “ setia kepada raja ” dan “ menyayangi rakyat ” sebenarnya dapat dilihat dari dasarnya yang

²¹ “Nianpu” , *FWZJ* , m.s. 1144 .

memanfaatkan rakyat jelata , iaitu membina benteng air di Taizhou 泰州(Jiangsu) dan menguruskan hal-hal banjir di Suzhou .

Semasa menjadi “ Penjaga Gudang Garam ” di bandar Xixi 西溪 di Taizhou 泰州 pada tahun 1023 , Fan Zhongyan telah merayu supaya pembinaan benteng air dijalankan demi mengelakkan banjir . Permintaan yang dibuat oleh Fan Zhongyan pada akhirnya membawa hasil yang positif pada masa itu . Demi memberi penghormatan dan penghargaan terhadap Fan , ramai petani telah mendirikan tokong di Xixi untuk mengenangkannya .²² Selain dari membina benteng air , satu lagi sumbangan Fan ialah menguruskan hal-hal banjir di Suzhou pada tahun 1034 . Banjir yang sentiasa berlaku di kawasan tersebut telah memberi kesan yang buruk terhadap pertanian di Suzhou di mana pembangunan dalam bidang pertanian telah disekat dan akhirnya terpaksa dihentikan . Kelaparan dan kesusahan hidup turut melanda petani-petani . Fan pada masa itu telah mengarahkan dan mengumpulkan penduduk-penduduk di Suzhou supaya menjalankan kerja-kerja menggali dan membina talair demi mengatasi masalah banjir . Sumbangan yang diberikan oleh Fan adalah amat besar sekali sehingga kerajaan mengarahkan Fan supaya terus menjalankan tugas beliau di Suzhou .²³

Semangat Fan Zhongyan telah mengharukan sanubari kebanyakan rakyat zamannya sendiri dan juga beribu-ribu rakyat pada zaman seterusnya . Dasar

²² “ Chaoting youchong ” 朝廷优崇 , FWZJ , ms. 849 .

²³ “ Wenyuange sikuquanshu Fan Wenzhenggong ji zhi bubian ” 文渊阁四库全书范文正公集之补编 , FWZJ , ms. 956 .

pembaharuan yang disarankan oleh Fan Zhongyan telah menjadi inspirasi kepada kebanyakan orang , khususnya bidalan yang berbau : “ menjadi orang yang pertama menimbulkan perasaan risau dan orang yang terakhir menikmati kegembiraan ” telah dikenang selalu dan tergores dalam sanubari setiap rakyat , bahkan bidalan ini telah menjadi penggerak utama untuk para intelek terus mengejar puncak menara yang lebih gemilang dalam mencapai ideal-ideal politik mereka .

2.3.2 Pandangan Terhadap Perlantikan Orang Yang Berkebolehan (*Rencai* 人才)

Fan Zhongyan adalah seorang reformis dan ahli politik yang mempunyai pencapaian yang amat cemerlang pada zaman dinasti Song Utara . Pencapaian beliau bukan hanya dalam mempertahankan negara daripada puak-puak asing , tetapi sumbangan beliau dalam memupuk dan melantik orang yang berkebolehan demi negara telah melahirkan satu konsep utama untuk menggerakkan dasar pembaharuan pada zaman dinasti Song Utara . Boleh dikatakan bahawa perlantikan orang yang berkebolehan dalam perkhidmatan kerajaan telah menjadi sebagai faktor utama terhadap pembangunan dan kejatuhan sesebuah negara . Ahli politik yang terkenal pada zaman Tiga Negeri atau Sanguo 三国 (220—280) yang bernama Zhuge Liang 诸葛亮(181—234) pernah berkata , “ Rapatkan hubungan dengan menteri yang arif dan jauhkan diri daripada orang jahat , inilah punca kemakmuran di peringkat awal dinasti Han ; manakala rapatkan

nubungan dengan orang-orang jahat dan jauhkan diri daripada menteri yang arif, inilah punca kegagalan masa akhir dinasti Han”²⁴

Pada hakikatnya , Fan Zhongyan hidup dalam satu dinasti yang dikatakan lemah dari pelbagai bidang . Dasar kerajaan yang sengaja melemahkan kuasa askar tetapi mempertingkatkan kedudukan pegawai awam telah mengakibatkan jumlah pegawai kerajaan bertambah dengan begitu banyak sekali tahun demi tahun . Menurut Qian Mu :

Dasar dinasti Song yang memberi keutamaan kepada mereka yang berkelayakan *jinshi* sebenarnya ingin mengubah dan membawa dinasti Song ke satu tahap yang berbudaya susila supaya dibezakan daripada budaya kekuasaan dan keganasan yang selama beberapa abad telah mempengaruhi dunia politik zaman itu (iaitu zaman Tang akhir dan tempoh Lima Dinasti) sehingga ke awal dinasti Song . Kerajaan Song bercita-cita ingin membentuk satu suasana yang mengutamakan pegawai-pegawai awam dengan melonggarkan syarat-syarat untuk kelulusan *jinshi* serta memberi peluang yang lebih banyak kepada mereka yang berkelulusan *jinshi* sementara mempertingkatkan kedudukan dan layanan pegawai-pegawai awam .²⁵

Dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan Song Utara dalam perlantikan pegawai-pegawai awam secara tidak langsung menimbulkan krisis yang akan menggugat kestabilan negara pada masa akan datang . Menurut Qian Mu , pada zaman pemerintahan Zhen Zong , jumlah pegawai kerajaan adalah lebih kurang

²⁴ “Zhuge Liang zhuan” 诸葛亮传 (Biografi Zhuge Liang) dalam Chen Shou 陈寿 , *Sanguo zhi* 三国志 , Beijing : Zhonghua Shuju 中华书局 , Vol. 35 , 1959 , ms. 919—920 .

²⁵ Qian Mu , *Guoshi dagang (Ikhtisar Sejarah Negara)* , m.s. 384 .

10,000 orang , manakala pada zaman pemerintahan Ren Zong pula , jumlah pegawai kerajaan bertambah menjadi lebih kurang 20,000 orang .²⁶

Fan Zhongyan sedar bahawa jumlah pegawai kerajaan yang terlalu ramai tetapi tidak berkesan merupakan penghalang besar terhadap kemajuan negara. Memandangkan hakikat ini , Fan Zhongyan berhasrat menjalankan dasar pembaharuan dengan mencungkil dan mendidik orang-orang yang berkebolehan supaya mereka yang berkaliber inilah yang dapat menjadi penggerak utama kepada kemaraan dinasti Song Utara .

Fan Zhongyan amat mementingkan orang-orang yang berkebolehan . Pandangan beliau mengenai perlantikan orang yang berkebolehan telah dikemukakan dalam eseinya yang bertajuk “ Tuiwei chenxia lun 推委臣下论 ” (Melantik Menteri yang Berkaliber) di mana beliau telah memberi contoh yang konkrit :

Tang Ming Huang 唐明皇(iaitu maharaja Xuan Zong 玄宗, yang memerintah dari tahun 713—756) pada mulanya melantik Yao Chong 姚崇 dan Song Jing 宋景 sebagai Perdana Menteri , dan negara dapat diperintah dengan sempurna . Maharaja dan menteri-menteri saling mempercayai di antara satu sama lain . Hubungan yang rapat ini telah mendapat sanjungan yang tinggi pada zaman berikutnya . Walau bagaimanapun apabila Li Linfu 李林甫 mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri , maharaja tetap memberi tanggungjawab yang berat kepada Li . Namun Li adalah seorang pegawai jahat yang berniat buruk . Dia pandai membuat fitnah terhadap orang yang baik

²⁶ Ibid. , m.s. 387 .

sehingga menteri-menteri di istana tidak berani untuk mengemukakan pandangan yang sewajarnya . Oleh yang demikian , Tang Ming Huang tidak berpeluang mendengar nasihat yang jujur daripada menterinya . Bahkan baginda sendiri berpendapat bahawa Perdana Menteri Li Linfu pandai melantik pegawai yang sesuai sehingga baginda tidak bimbang langsung akan masa depan negara . Kegagalan baginda mendengar pendapat umum telah membawa kesan yang buruk terhadap dinasti Tang di mana apabila An Lushan memberontak dan melancarkan serangan ke atas ibukota , Tang Ming Huang masih tidak mengetahui apa yang sedang berlaku . Selepas pemberontakan An Lushan , negara berada di dalam keadaan yang porak-peranda , inilah sebab dinasti Tang mengalami kemerosotan dan akhirnya tidak berupaya bangun semula ’²⁷

Fan Zhongyan sedar tentang kepentingan melantik orang yang berkebolehan untuk sesebuah negara , malah dinasti Song Utara pada masa itu amat memerlukan orang yang berkebolehan untuk membawa negara menampil ke jalan kemajuan . Fan Zhongyan pernah berkata :

Sekiranya maharaja mendapatkan orang-orang yang bijaksana lagi arif , maka negara akan diperintah dengan sempurna dan masyarakat akan berada dalam keadaan yang sejahtera . Manakala jika orang yang bijaksana lagi arif tidak dilantik , negara akan menjadi kacau-bilau . Zhang Liang 张良 dan Chen Ping 陈平 merupakan ahli politik yang berwibawa , namun dinasti Qin tidak tahu menggunakan kebolehan mereka , maka dinasti Qin mengalami kemusnahan pada akhirnya ; manakala dinasti Han pula memberi peluang untuk mereka mempamerkan kebolehan masing-masing , maka dinasti Han

²⁷ “Tuiwei chenxia lun” 推委臣下论 , FWZJ , Vol. 5 , m.s. 180

mencapai kejayaan pada masa kemudian ” .²⁸

Dalam “ Shang shixiang yi zhiju shu ” 上时相议制举书(Perbincangan Terhadap Peperiksaan *zhiju* yang dikemukakan Kepada Perdana Menteri), Fan berpendapat :

Seseorang pemerintah yang pandai memerintah negara akan sentiasa berusaha mendidik orang-orang yang berkebolehan . Cara yang baik untuk mendidik orang-orang yang berkebolehan ialah mula-mula sekali menasihatkannya belajar dengan bersungguh-sungguh , terutamanya belajar klasik-klasik Konfusian . Pemikiran seseorang yang belajar klasik-klasik ini bukan sahaja menjadi lebih luas , malah kebolehan mereka akan meningkat dan akhirnya mereka akan mencapai kejayaan yang cemerlang .²⁹

Inilah luahan seorang pemimpin yang mengetahui tentang kepentingan orang-orang yang berkebolehan bagi sesebuah negara . Bagi Fan , seseorang pemimpin negara harus mencari orang-orang yang berkebolehan dari pelbagai bidang . Dinasti Song yang lemah dari berbagai segi amat memerlukan orang-orang yang berkebolehan untuk memperbaiki keadaan yang buruk . Fan mengemukakan contoh yang nyata iaitu murid-murid Konfusius yang dibahagikan kepada empat kategori , di mana kategori yang pertama ialah murid-murid yang bermoral tinggi seperti Yan Yuan 严渊 dan Min Ziqian 阎子骞 ; kategori yang kedua ialah murid-murid yang pandai menguruskan hal-hal politik seperti Ran You 冉有 dan Ji Lu 季路 , kategori yang ketiga ialah murid-murid yang pandai berdebat seperti Zai Wo

²⁸ “Xuan ren xianneng lun” 选任贤能论, FWZJ , Vol. 5 , m.s. 177 .

²⁹ “Shang shixiang yi zhiju shu” 上时相议制举书 , FWZJ , Vol. 9 , ms. 246 .

宰我 dan Zi Gong 子貢 ; kategori yang keempat pula merupakan murid-murid yang mahir dalam membuat kajian tentang buku-buku klasik seperti Zi You 子游 dan Zi Xia 子夏.³⁰ Fan berpendapat bahawa tanpa orang-orang yang berkebolehan dari pelbagai bidang , negara tidak mudah mencapai kemakmuran .

Sekiranya sesebuah dinasti atau negara mendapatkan pegawai-pegawai yang berkebolehan , maka kesalahan dan masalah yang timbul turut diperbaiki . Dalam petikan “ Tang Di Liang Gong bei ” pula , Fan memberi penghormatan yang tinggi terhadap tindakan tepat yang dilakukan oleh Di Renjie (iaitu Di Gong) di mana pada masa itu , maharaja Tang Gao Zong ingin membunuh jeneral tentera iaitu Quan Shancai 权善才 . Quan Shancai dijatuhkan hukuman bunuh kerana anak buahnya telah menebang sebatang pokok di kubur Tang Tai Zong . Di Gong menolak perintah daripada maharaja kerana Di Gong ingin maharaja menjalankan dasar yang berperikemanusiaan .³¹ Bagi Fan , prinsip melantik orang-orang yang berkebolehan ini tidak boleh diubah kerana seseorang menteri yang baik akan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh maharaja . Prinsip ini juga merupakan asas kepada kejayaan negara serta konsep yang paling penting untuk memerintah negara .

Dalam petikan “ Taizhou Zhang Hou citang song ” 泰州张侯祠堂颂 pula , Fan memuji Zhang Fangping 张方平(1007—1091) kerana beliau telah

³⁰ Ibid., *FWZJ* , Vol. 5 , ms. 177

³¹ Tang Di Liang Gong bei 唐狄梁公碑 , *FWZJ* , Vol. 11 , ms. 282 .

memberi sumbangan yang besar terhadap rakyat jelata . Usaha-usaha yang dilakukan oleh Zhang Fangping seperti menguruskan hal-hal garam , membina benteng air , mempertahankan sempadan negara , membujuk kaum gasar supaya memihak kepada kerajaan Song dan sebagainya harus dijadikan teladan kepada mereka yang hanya mementingkan diri sendiri . Bagi Fan , menteri-menteri yang berkebolehan dan bertanggungjawab tidak mudah dicari . Justeru itu , pihak kerajaan harus melaksanakan dasar-dasar yang boleh mendapatkan orang-orang yang berkebolehan . Dalam hubungan ini , Fan Zhongyan mengemukakan beberapa cadangan untuk mendapatkan orang yang berkebolehan demi membina sebuah negara yang kuat . Fan Zhongyan ingin mengaplikasikan konsep beliau mengenai *rencai* ini ke atas sistem peperiksaan negara .

Sebagaimana yang diketahui , sistem peperiksaan adalah penting untuk melahirkan generasi yang dapat memberi sumbangan besar kepada negara . Walau bagaimanapun , sistem peperiksaan dinasti Song mempunyai banyak kelemahan . Sistem peperiksaan perkhidmatan awam amat mementingkan aspek teori di mana penulisan sajak dan penghafasan kitab konfusian diberi keutamaan dalam peperiksaan *keju* . Sesiapa yang berjaya dalam peperiksaan tersebut ini dapat memegang jawatan pegawai kerajaan . Tindakan ini secara tidak langsung telah melahirkan segolongan pegawai yang hanya pandai menulis puisi dan menghafaz kitab-kitab tanpa berupaya untuk mengurus dan memerintah negara . Fan Zhongyan berpendapat bahawa pegawai-pegawai yang benar-benar berjasa kepada negara bukan sahaja hanya pandai menulis puisi dan menghafaz dengan lancar , bahkan

mereka perlu mempunyai tabiat dan sifat yang baik serta mengetahui tentang cara memerintah negara . Memandangkan isu korupsi kian serius dan berleluasa di kalangan pegawai-pegawai kerajaan Song , maka mengikut pendapat Fan , tabiat dan sifat yang baik merupakan satu syarat yang amat penting untuk menjadi seorang pegawai kerajaan . Beliau mengharapkan dasar pembaharuan dilaksanakan dalam bidang *keju* demi melahirkan pegawai-pegawai kerajaan yang jujur , progresif dan berupaya menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan sempurna .

Fan Zhongyan adalah seorang ahli politik yang amat mementingkan perlantikan orang-orang yang berkebolehan . Demi mencungkil lebih ramai orang-orang yang berkebolehan , beliau menyarankan supaya orang yang berkenaan dapat memperkenalkan atau mengesyorkan mereka yang berkebolehan untuk dijadikan pegawai-pegawai kerajaan . Pegawai-pegawai pula disarankan supaya merekomendasi orang yang berkebolehan di mana perakuan yang tepat dan betul akan diberi penghargaan yang besar , manakala mereka yang memberi cadangan yang tidak tepat dan betul akan dijatuhkan hukuman . Dalam perkara ini , Fan sendiri sanggup menanggung risiko bahawa sekiranya orang yang dicadangkan oleh beliau tidak memuaskan , beliau akan menerima hukuman yang sama dengan orang yang dicadangkan itu .³²

Fan Zhongyan sedar bahawa tanggungjawab yang dipikul oleh seorang pegawai kerajaan amatlah besar . Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pegawai-pegawai kerajaan merupakan penggerak utama kepada kemajuan negara .

³² “Ju Teng Zongliang zhuang ” 举滕宗谅状 , FWZJ , Vol. 7 , m.s. 403 .

Justeru itu , Fan Zhongyan telah mengesyorkan orang-orang yang berkebolehan seperti Zhang Fangping 张方平 dan Ouyang Xiu 欧阳修(1007-1072) yang kedua-duanya bukan sahaja mempunyai taraf pencapaian yang tinggi dalam bidang sastera , bahkan mereka adalah pegawai yang mampu menjalankan tugas dengan penuh dedikasi , ikhlas dan tanggungjawab . Pada tahun 1041 , Fan Zhongyan bersama dengan Han Qi 韩琦 (1008-1075) memegang jawatan sebagai Timbalan Pesuruhjaya Keamanan (*Jinglue Anfu fushi* 经略安抚副使) di Shaanxi dan Fan Zhongyan telah mencadangkan Ouyang Xiu untuk memegang jawatan sebagai seorang pegawai setiausaha di tempat yang sama . Dalam surat perakuannya , Fan Zhongyan menegaskan bahawa Ouyang Xiu berkelayakan dan berkeupayaan memegang jawatan ini dan sekiranya kemampuan Ouyang Xiu tidak seperti yang disebut dalam surat perakuan tersebut , Fan Zhongyan sanggup menerima apa sahaja hukuman yang dijatuhkan oleh maharaja .³³ Ketegasan dan keberanian yang ditunjukkan oleh Fan Zhongyan dalam perkara ini telah menggambarkan bahawa beliau sanggup mengorbankan diri demi tanahairnya . Pandangan beliau tentang kepentingan *rencai* juga membayangkan semangat Fan Zhongyan yang begitu mementingkan negara , dan oleh itu beliau telah mendapat penghargaan yang besar dari ahli-ahli sejarah dan penganalisa sejarah pada zaman yang berikutnya .

Fan Zhongyan tidak menerima pendidikan secara rasmi sejak dari kecil lagi . Beliau mendapatkan pendidikan dan pengetahuan menerusi membaca

³³ “Ju Ouyang Xiu chong jinglue zhang shuji zhuang ” 举欧阳修充经略掌书记状 , *FWZZJ* , Vol. 18 , m.s. 402 .

sendiri . Namun begitu , Fan Zhongyan mengetahui tentang kepentingan pendidikan di mana seseorang itu tidak mudah mencapai kejayaan tanpa pendidikan . Malah beliau pernah mengatakan bahawa , “ Masalah besar bagi sesebuah negara ialah kekurangan orang-orang yang berkebolehan ” (*guojia · zhihuan* , *mo dayu faren* 国家之患，莫大于乏人 。).³⁴ Bagi Fan , tempat yang dapat melahirkan orang-orang yang berkebolehan pula ialah sekolah-sekolah (*xiangxuzhe* , *junyisuoyou chuyan* 序者，俊乂所由出焉 。).³⁵ Fan berusaha mendirikan sekolah-sekolah supaya dapat melahirkan pemuda-pemuda yang berkaliber demi berkhidmat untuk negara . Beliau pernah mendirikan sekolah di Taizhou , Suzhou dan Raozhou 饶州 . Ramai di antara mereka mendapat manfaat akibat dari belajar di sekolah-sekolah ini .

Fan Zhongyan pernah menjadi pegawai kerajaan di seluruh negara dan semasa beliau berkhidmat di merata-rata tempat , beliau tetap mendirikan kolej dan sekolah demi mendidik orang-orang yang berkebolehan . Menurut sumber sejarah , permulaan pembelajaran dan pendidikan di kawasan Suzhou boleh dikatakan adalah kerana ikhtiar Fan Zhongyan , manakala pembinaan kebanyakan sekolah dan kolej secara berturut-turut di seluruh daerah juga kerana Fan Zhongyan .³⁶

Fan Zhongyan mempunyai prinsip tersendiri untuk memilih seorang pensyarah . Pensyarah yang dipilih mestilah bertanggungjawab , pandai mengajar

³⁴ “ Binzhou jianxue ji ” 邯州建学记 , *FWZJ* , Vol. 7 , ms. 210 .

³⁵ Ibid. , ms. 210 .

³⁶ “ Wenyuange siku quanshu Fan Wenzheng Gong ji zhi bubian ” 文渊阁四库全书范文正公集之补编 , *FWZJ* , ms. 998 .

dan bermoral . Semasa di Suzhou , Fan Zhongyan pernah menjemput pakar pendidikan yang terkenal pada masa itu iaitu Hu Yuan 胡瑗(993—1059) untuk dijadikan pensyarah di kolej Suzhou . Hu Yuan merupakan seorang pensyarah yang mempunyai taraf pembelajaran yang tinggi dan bermaruah tinggi juga . Bahkan cara mengajar Hu Yuan amatlah unik sekali di mana beliau mementingkan penulisan eseи klasik dan pendekatan beliau dalam bidang pendidikan adalah praktikal iaitu beliau mengajar murid-murid dengan mengikut taraf pembelajaran yang sesuai untuk mereka (*yincai shijiao* 因材施教) . Usaha yang dilakukan oleh Fan sesungguhya mampu mendidik orang-orang yang benar-benar berguna untuk negara .

Sebagaimana yang diketahui , kolej yang didirikan oleh Fan di Suzhou amatlah besar kerana Fan Zhongyan mempunyai pandangan yang jauh bahawa bilangan pelajar akan bertambah dengan pesat dari masa ke semasa . Malah Fan menyedari akan kepentingan suasana pembelajaran terhadap pelajar-pelajar . Suasana di kolej Suzhou amatlah sunyi . Di dalam kolej tersebut , terdapat dewan kuliah , tempat-tempat menanam tanaman , tempat rehat dan bersiar-siar , bilik membaca , dapur memasak dan bilik untuk aktiviti kebudayaan . Malah asrama disediakan untuk pelajar-pelajar di kolej tersebut . Boleh dikatakan bahawa Fan menaruh harapan yang besar terhadap kolej tersebut di Suzhou . Dari segi pemilihan lokasi , perancangan dan penyusunan , pengaturan serta pengurusan , Fan telah cuba dengan sedaya-upaya menyediakan satu tempat yang sesuai untuk pelajar-pelajar . Di sini dapat dilihat bahawa walaupun Fan telah meninggal dunia selama hampir seribu tahun , namun semangat dan idea beliau dalam

pembentukan dan penyusunan sesebuah kolej atau sekolah tetap dijadikan contoh pembelajaran oleh generasi-generasi seterusnya . Malah sehingga kini , ramai daripada pakar-pakar pendidikan telah bersetuju tentang kepentingan suasana pembelajaran untuk seseorang pelajar .

Sumbangan yang diberikan oleh Fan Zhongyan dalam bidang pendidikan sebenarnya merupakan satu gerakan pembaharuan pendidikan yang penting dan merupakan salah satu perkara yang mustahak dalam dasar pembaharuan Qingli . Fan telah cuba mempraktikkan pengalaman beliau dalam pendidikan demi mencapai matlamat membangunkan negara . Walaupun dasar pembaharuan Qingli tidak mencapai kejayaan pada akhirnya , namun tidak dapat dinafikan bahawa pembinaan sekolah dan kolej di daerah telah menggerakkan perkembangan bidang pendidikan pada dinasti Song dengan pesatnya .³⁷

Fan Zhongyan telah menjadi pegawai kerajaan selama lebih dari 30 tahun dalam seumur hidup beliau . Beliau pernah berkhidmat di daerah-daerah seperti Guangdejun 广德军, Taizhou , Muzhou 睦州, Suzhou , Raozhou , Runzhou 润州 , Yanzhou 延州 , Binzhou , Hangzhou 杭州, Yuezhou 越州 dan lain-lain lagi . Beliau telah memberi galakan dan sokongan yang padu dalam perkembangan bidang pendidikan di setiap daerah yang beliau bertugas .Bahkan beliau menganggap

³⁷ Ling Wenkai 凌文凯 , Xu Jinkui 徐锦魁 , “Lun Fan Zhongyan de jiaoyuguan” 论范仲淹的教育观 (Perbincangan Tentang Pandangan Pendidikan Fan Zhongyan) , *Fan Zhongyan yanjiu ji* 范仲淹研究集 , Suzhou : Suzhou Daxue , 1995 , m.s. 186 .

bahawa membangunkan bidang pendidikan sesungguhnya adalah tanggungjawab sendiri dan hasrat ini tidak berubah buat selama-lamanya.³⁸

Perhatian Fan yang begitu tekun terhadap *rencai* ini amat dipuji oleh pelbagai pihak, termasuk sasterawan-sasterawan, ahli-ahli penganalisa dan ahli-ahli sejarah. Pada 1040, Fan Zhongyan bertugas sebagai Timbalan Pesuruhjaya Keamanan dan Pentadbir di daerah Shaanxi. Sementara menghadapi serangan daripada puak-puak gasar dari negeri Xi Xia dan perlu memperkuatkan benteng pertahanan di kawasan tersebut, pada masa yang sama, Fan tidak mengabaikan tugasnya untuk mendidik orang-orang yang berkebolehan dengan berbagai cara. Sebagai contoh, beliau telah membina sebuah kolej yang bernama Jia Ling 嘉岭 di sebelah timur selatan kota dan pada masa inilah beberapa orang yang berkebolehan seperti Zhang Zai 张载(1020—1077), Di Qing 狄青(1008-1057) dan lain-lain telah dididik dalam kolej tersebut.³⁹

Fan Zhongyan yang menganggap pembangunan negara sebagai tanggungjawab sendiri telah menulis banyak eseи dan mengemukakan berbagai penulisan mengenai perlantikan orang yang berkebolehan (*rencai*). Contoh-contoh tulisan tersebut termasuklah “Renguan wei xiancai fu” 任官惟贤材赋, “Dedi qianli buru yixianfu” 得地千里不如一贤赋 dan “Xuanren xianneng fu 选任贤能赋”. Malah selama ini beliau telah memperkenalkan ramai orang yang

³⁸ Ling Wenkai , Xu Jinkui , “Fan Zhongyan jiaoyu sixiang chutan” 范仲淹教育思想初探 (Pengkajian Pemikiran Pendidikan Fan Zhongyan), *Fan Zhongyan yanjiu ji* , m.s.195 .

³⁹ Ibid. , m.s. 196

berkebolehan kepada pihak kerajaan . Di antaranya termasuklah ahli politik yang terkenal iaitu Fu Bi dan Zhang Fangping ; pakar ketenteraan seperti Di Qing dan Zhong Shiheng 钟世衡 ; sasterawan-sasterawan iaitu Ouyang Xiu dan Su Shunqin 苏舜钦 ; pakar pendidikan seperti Hu Yuan ; ahli falsafah seperti Li Gou 李觏 dan sebagainya . Beliau berpendapat bahawa orang-orang yang berkebolehan ini adalah penting di mana kegemilangan dan kemerosotan sesebuah negara sesungguhnya bergantung kepada mereka yang berkaliber .

Fan Zhongyan merupakan seorang reformis yang mempunyai pandangan yang jauh . Dasar pembaharuan yang dikemukakan oleh beliau sesungguhnya mempunyai hubungan yang rapat dengan cita-cita yang tertanam dalam hati sanubari beliau sendiri . Pandangan beliau mengenai *Tianxia* dan *rencai* seharusnya tidak boleh diabaikan sekiranya ingin meninjau tentang dasar pembaharuan beliau . Fan Zhongyan adalah seorang reformis yang menyedari akan tanggungjawab sendiri terhadap tanahair . Qian Mu pernah memuji Fan Zhongyan sebagai “ seorang ahli politik dinasti Song yang mempunyai kesedaran diri dalam mendukung tanggungjawab ajaran Konfusianis terhadap seluruh rakyat dan negara ” .⁴⁰ Manakala Profesor James Liu pula memuji Fan Zhongyan sebagai “ seorang ahli politik yang mempraktikkan teori politik ajaran Konfusianis ke dalam dasar pembaharuan yang dilancarkan ” .⁴¹

⁴⁰ Qian Mu , *Guoshi dagang* , m.s. 398 .

⁴¹ James T.C.Liu , “ An Early Sung Reformer : Fan Chung-yen ” , in John K. Fairbank (ed) : *Chinese Thought and Institutions* , Chicago and London : The University of Chicago Press. , 1957 , m.s 105—131 .

Walaupun perjalanan yang dilalui oleh Fan Zhongyan selalunya berliku dan penuh dengan cabaran , namun ideal beliau mengenai *tianxia* dan *rencai* ini telah menjadi satu ikhtibar untuk beliau sehingga mendorong beliau supaya berwaspada dalam menggerakkan dasar pembaharuan pada dinasti Song Utara . Apa yang penting ialah kedua-dua ideal ini terus membara semangat perjuangan Fan Zhongyan dan menyinari dunia politik dinasti Song .